

# KEPENTINGAN NILAI INSAN & IHSAN DALAM PEMUPUKAN NILAI SANTUN DALAM KOMUNIKASI

Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, Ph.D<sup>1</sup>  
*Universiti Putra Malaysia*

## ABSTRAK

*'Insan' yang merujuk kepada makhluk yang mempunyai akal dan 'Ihsan' pula bermaksud kebaikan, kebajikan, perbuatan yang baik dan kemurahan hati. Dalam usaha memupuk nilai santun dalam komunikasi, kedua-dua nilai 'Insan' dan 'Ihsan' harus difahami dan dipraktikkan.. Justeru kertas kerja ini akan membincangkan dan menjelaskan kepentingan kedua-dua nilai 'Insan' dan 'Ihsan' dalam usaha memupuk nilai santun dalam komunikasi dalam kalangan pelajar bagi mewujudkan keharmonian sekali gus mengelakkan konflik dalam berbahasa. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis teks dan tinjauan. Seramai 100 pelajar dipilih sebagai responden dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan. Data yang dikumpul menggunakan borang soal selidik, penelitian bahan teks dan buku peribahasa akan dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif menggunakan teori pragmatik. Hasil kajian akan menjelaskan kepentingan kedua-dua nilai 'Insan' dan 'Ihsan' ini difahami dan dipraktikkan bagi memupuk nilai santun, nilai hormat dalam komunikasi dalam kalangan pelajar demi kesejahteraan masyarakat dan negara.*

**Kata Kunci:** *Nilai Insan, Nilai Ihsan, Pragmatik, Komunikasi, Santun*

## PENGENALAN

'Insan' merujuk kepada makhluk yang mempunyai akal manakala 'Ihsan' pula bermaksud kebaikan, kebajikan, perbuatan yang baik dan kemurahan hati. Dalam usaha memupuk nilai santun dalam komunikasi, kedua-dua nilai 'Insan' dan 'Ihsan' harus difahami dan dipraktikkan.

Ihsan mewajibkan umat Islam untuk menjalankan kerja atau tugasnya dengan setia dan jujur di tempat kerja. Selain itu Islam juga menekan setiap insan perlu menyempurnakan kerja-kerja yang diamanahkan demi Allah SWT dan untuk kehidupan dunia.

Kata 'Ihsan' (berbuat baik) merupakan kebalikan daripada kata *al isaa-ah* (berbuat buruk), yakni perbuatan seseorang untuk melakukan perbuatan yang ma'ruf dan menahan diri daripada dosa dan mendermakan kebaikan kepada hamba Allah yang lainnya baik melalui hartanya, kehormatannya, ilmunya, mahupun raganya.

Di samping itu, maksud 'Ihsan' apabila dinisbatkan kepada peribadatan kepada Allah adalah sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah SAW dalam hadist Jibril:

---

<sup>1</sup> *Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, zazh@upm.edu.my*

كُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ تَعْبُدُ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَرَ قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ. قَالَ

*“Wahai Rasulullah, apakah ihsan itu? ‘ Beliau menjawab, ‘Kamu menyembah Allah seakan-akan kamu melihat-Nya, maka jika kamu tidak melihat-Nya maka sesungguhnya Dia melihatmu.”*

(H.R. Muslim 102) [3]

Ihsan mempunyai dua makna literal. Pertama, Ihsan yang bermakna melakukan sesuatu dengan baik dan sempurna dan, kedua, melakukan sesuatu atas permintaan seseorang, (<https://www.thewaytotruth.org/heart/ihsan.html>)

Menurut Adika Mianoki, (2010), drajat ihsan merupakan tingkatan tertinggi keislaman seorang hamba. Tidak semua orang dapat meraih derajat yang mulia ini. Hanya hamba-hamba Allah yang khusus saja yang dapat mencapai derajat mulia ini, (Sumber: <https://muslim.or.id/4101-meraih-derajat-ihsan.html>)

Ihsan bermaksud kesedaran seseorang yang sedalam-dalamnya bahawa Allah sentiasa hadir atau berada bersama kita walau di mana kita berada. Sehubungan dengan itu, kita sebagai hambaNYa, harus berbuat baik, bertindak menjalankan suatu kerja dengan penuh tanggungjawab diri daripada sesuatu yang tidak diredhaiNya, (Muhammad Lutfi AlFajar, 2016)

Dalam bahasa Arab, Ihsan bererti “kesempurnaan” atau “terbaik.” Dalam terminologi agama Islam, Ihsan bererti seseorang membayangkan bahawa sesungguhnya Allah melihat perbuatannya. Seajar dengan itu, Ihsan adalah melakukan sesuatu dengan kesempurnaan iaitu melaksanakan ibadah dengan sepenuh hati kerana Allah SWT selalu melihatnya, hingga ia merasakan berhadapan langsung dengan Allah dengan hati nurani. Semua itu dilakukannya dengan ikhlas. Dalam hal ini, setiap amal ibadat kita harus dilakukan dengan sempurna dan ikhlas.

Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, disebutkan bahwa Nabi Muhammad SAW bersabda:

*“sesungguhnya Allah mewajibkan al-Ihsan dalam segala masalah, oleh karena itu jika kalian berperang harus dengan satria, dan jika menyembelih binatang pun harus dengan cara yang baik (tidak sadis)”*.

Syaikh ‘Abdurrahman as Sa’di Rahimahullah turut menjelaskan bahawa Ihsan mencakup dua macam, yakni Ihsan dalam beribadah kepada Allah dan Ihsan dalam menunaikan hak sesama makhluk. (<http://dimasday90muslim.blogspot.my/2012/10/rangkuman-pendidikan-agama-islam.html>)

Ihsan dalam beribadah kepada Allah bermakna beribadah kepada Allah seolah-olah melihat-Nya atau merasa diawasi oleh-Nya, manakala Ihsan dalam hak makhluk adalah dengan menunaikan hak-hak mereka. Selanjutnya, Ihsan kepada makhluk ini terbahagi dua, iaitu:

a. **Wajib**

Ihsan yang wajib adalah seperti berbakti kepada orang tua dan bersikap adil dalam bermuamalah.

b. **Sunnah**

Ihsan yang hukumnya sunnah adalah seperti memberikan bantuan tenaga atau harta yang melebihi batas kadar kewajiban seseorang. Salah satu bentuk Ihsan yang paling diutamakan adalah berbuat baik kepada orang yang berbuat jahat kepada kita, baik dari segi ucapan ataupun perbuatannya.

Namun kajian terdahulu yang menyentuh aspek Insan dan Ihsan dalam komunikasi masih kurang dijalankan, justeru kertas kerja ini akan membincangkan dan menjelaskan kepentingan kedua-dua nilai 'Insan' dan 'Ihsan' dalam usaha memupuk nilai santun dalam komunikasi dalam kalangan pelajar bagi mewujudkan keharmonian sekali gus mengelakkan konflik dalam berbahasa.

### **METODOLOGI**

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis teks dan tinjauan. Seramai 100 pelajar dipilih sebagai responden dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan. Data yang dikumpul menggunakan borang soal selidik, penelitian bahan teks dan buku peribahasa akan dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif menggunakan teori pragmatik.

Borang soal selidik pada skala 1 hingga 10 berasaskan pengkamiran semantik digunakan untuk menilai persepsi responden. Daripada 100 borang soal selidik yang diedarkan, hanya 94 borang yang lengkap diterima dan diproses menggunakan SPSS versi 21. Daripada skala 1 hingga 10, dikonstruksi Nombor 1 dikaitkan dengan penilaian yang paling rendah dan nombor 10 dikaitkan dengan penilaian yang tertinggi (Sila rujuk Jadual 1)

**Jadual 1 : Skala 1 hingga 10 berasaskan pengkamiran semantik**

<Tiada kelebihan >		<Kelebihan yang minimal>		<Kelebihan yang sederhana >		<Kelebihan yang tinggi/ memuaskan >		<Kelebihan yang tertinggi/ cemerlang>	
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10

### **TEORI PRAGMATIK**

Teori pragmatik yang dijadikan landasan dalam kajian ini ialah Prinsip Kerjasama Grice (1975),

Model Kesantunan Lakoff (1975) dan Prinsip Kesopanan Leech (1983). Grice dalam Prinsip Kerjasama (1975) telah mengemukakan 4 maksim, iaitu

Maksim kualiti	Jadikan maklumat itu benar dan khusus berdasarkan prinsip yang berikut: a. Jangan bercakap bohong. b. Jangan bercakap jika kurang bukti.
Maksim kuantiti	a. Jadikan maklumat seinformatif yang boleh sebagaimana dikehendaki dalam perbualan yang sedang berlangsung. b. Jangan jadikan maklumat terlalu informatif sehinggakan melebihi hadnya.
Maksim relevans	a. Jadikan maklumat relevan.
Maksim perlakuan	a. Jadikan maklumat nyata dan khusus. b. Elakkan maklumat yang tidak jelas. c. Elakkan maklumat yang kabur. d. Cuba ringkaskan maklumat. e. Cuba jadikan maklumat tersusun.

Model Kesantunan Lakoff (1975) pula menyarankan 3 peraturan untuk mengekalkan keharmonian perbualan, iaitu

- i. Jangan memaksa
- ii. Berikan pilihan
- iii. Jadikan Pendengar selesa

Leech (1983) pula mengemukakan enam maksim dalam Prinsip Kesopanan (1983), iaitu:

1. Maksim santun, iaitu pengurangan kos dan penambahan manfaat kepada orang lain.
2. Maksim budiman, iaitu pengurangan manfaat dan penambahan kos atas diri sendiri.
3. Maksim sokongan, iaitu pengurangan cacian dan penambahan pujian kepada orang lain.
4. Maksim kerendahan hati, iaitu pengurangan pujian dan penambahan kurang memuji (cacian) atas diri sendiri.
5. Maksim persetujuan, iaitu pengurangan perselisihan faham dan penambahan persepakatan/persetujuan antara diri dan orang lain.
6. Maksim simpati, iaitu pengurangan antipati dan penambahan simpati kepada orang lain.

### **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Hasil kajian akan menjelaskan kepentingan kedua-dua nilai 'Insan' dan 'Ihsan' ini difahami dan dipraktikkan bagi memupuk nilai santun, nilai hormat dalam komunikasi dalam kalangan pelajar demi kesejahteraan masyarakat dan negara.

Daripada Jadual 2 menunjukkan persepsi responden terhadap kelebihan memahami dan menghayati nilai 'Insan' dan 'ehsan' dalam pemupukan nilai santun dalam komunikasi. Dapatan menunjukkan kebanyakan responden memberikan kelebihan atau faedah yang tinggi kepada diri sendiri sekiranya mengamalkan nilai insan dan ihsan dalam komunikasi dengan purata min 8.9. Penilaian faedah tertinggi kepada setiap individu yang mengamalkan nilai insan dan ihsan dalam komunikasi adalah individu dapat memupuk

nilai santun (min 9.15) dan membentuk nilai kejujuran dalam menyatakan janji (min 9.06). Selain itu, individu dikatakan dapat memupuk nilai budiman ketika berhujah (min 8.91) dan memancarkan nilai keikhlasan dalam memberikan idea. Sikap ikhlas dan jujur dalam berkomunikasi dapat mengurangkan konflik dan cacian (min 8.61) antara penutur dan pendengar.

**Jadual 2: Kelebihan kepada diri sendiri**

Kelebihan/Faedah mengamalkan “Nilai ‘Insan’ dan ‘Ihsan’ dalam komunikasi”	<Tiada kelebihan >		<Kelebihan yang minimal>		<Kelebihan yang sederhana>		<Kelebihan yang tinggi/memuaskan>		Kelebihan yang tertinggi/cemerlang		Min (Purata Min 8.9)
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
	F	%	F	%	F	%	F	%	F	%	
1. dapat mengurangkan konflik dan cacian					10	10.6	19	20.2	65	69.2	8.61
2. keikhlasan memberikan idea			2	2.1	4	4.3	21	22.4	67	71.2	8.91
3. kejujuran dalam menyatakan janji					9	9.5	8	8.5	77	82.0	9.06
4. memupuk nilai budiman dalam berhujah					7	7.5	14	14.9	73	77.6	8.91
5. memupuk nilai santun.					5	5.2	13	13.9	76	80.9	9.15

Jadual 3 menunjukkan pendapat responden terhadap faedah mengamalkan nilai insan dan ehsan dalam komunikasi kepada diri sendiri dan orang lain. Daripada 5 item, didapati responden menyatakan bahawa mengamalkan nilai insan dan ihsan dalam komunikasi memberikan faedah tertinggi kepada diri sendiri dan orang lain dengan purata min 9.06. Faedah yang tertinggi adalah amalan nilai insan dan ihsan dalam komunikasi dapat meningkatkan nilai hormat terhadap penutur dan pendengar (min 9.15), yang seterusnya dapat mengelakkan perselisihan faham (min 9.09), mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan dalam kalangan masyarakat dan negara (min 9.07). Malahan dapat meningkatkan perasaan simpati kepada orang lain (min 9.03). Di samping itu adalah amalan nilai insan dan ihsan dalam komunikasi juga dapat meningkatkan persetujuan dan persepakatan antara penutur dan pendengar (min 8.98).

**Jadual 3: Faedah kepada diri sendiri dan orang lain**

Kelebihan/Faedah mengamalkan “Nilai ‘Insan’ dan ‘Ihsan’ dalam komunikasi”		<Tiada kelebihan >		<Kelebihan yang minimal>		<Kelebihan yang sederhana>		<Kelebihan yang tinggi/memuaskan>		Kelebihan yang tertinggi/cemerlang		Min (Purata Min= 9.06
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
		F	%	F	%	F	%	F	%	F	%	
6.	mengelakkan perselisihan faham					6	6.3	20	21.3	68	72.4	<b>9.09</b>
7.	meningkatkan persetujuan dan persepakatan antara penutur dan pendengar	1	1.1			6	6.3	18	19.2	69	73.4	<b>8.98</b>
8.	mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan dalam kalangan masyarakat dan Negara			1	1	3	3.2	15	16.0	75	79.8	<b>9.07</b>
9.	meningkatkan nilai hormat terhadap penutur dan pendengar.					13	13.8	20	21.2	61	65	<b>9.15</b>
10.	meningkatkan perasaan simpati kepada orang lain					6	6.4	19	20.2	69	73.4	<b>9.03</b>

Hasil penelitian dalam bahan teks dan buku peribahasa, didapati amalan nilai insan dan ihsan ini memberikan kelebihan atau faedah kepada individu dan ahli masyarakat dari segi pemupukan nilai santun dalam komunikasi. Berbalik kepada maksud Insan iaitu manusia yang harus berhemah dalam komunikasi dan ‘Ihsan’ yang bererti “kesempurnaan” atau “terbaik” menjelaskan nilai kebaikan, kebajikan, perbuatan yang

baik dan kemurahan hati. Dengan kata lain, 'Ihsan' merupakan ibadah yang dilakukan dengan ikhlas dan yakin kepada Allah kerana Ihsan adalah ketepatan atau kesempurnaan (*perfection or precision*). Nilai 'Ihsan' secara tersuratnya menuntut individu mematuhi prinsip kesantunan Grice, (1975), Lakoff (1978) dan Leech (1983) semasa berkomunikasi. Dapatan kajian lapangan ini telah menunjukkan responden mempunyai persepsi yang tinggi terhadap kelebihan atau faedah bagi setiap individu yang mengamalkan nilai insan dan ihsan dalam komunikasi.

Selanjutnya, hasilpenelitian daripada bahan teks, didapati kepemimpinan Melayu yang diturunkan daripada konsep Islam turut mementingkan etika moral serta bersumberkan wahyu. Hal ini diamalkan dunia politik Melayu sejak dahulu lagi. Dengan kata lain, Islam telah menjadi menerapkan corak pemerintahan seseorang pemimpin Melayu dalam menjalankan tanggungjawab dengan berlandaskan nilai 'Insan' dan 'Ihsan'. Hal ini terpancar dalam Bendahara Paduka Raja Tun Perak kepada anak cucunya seperti yang terdapat dalam petikan berikut;

*"Hai anak cucuku, jangan kamu tukarkan ugama dengan dunia. Adapun dunia itu tiada kekal adanya kerana hidup itu sahaja akan mati juga kesudahannya. **Hendaklah tuluskan hatimu pada berbuat kebaktian kepada Allah** subhanahu wataala dan Rasulnya, dan jangan kamu sekalian lupa pada **berbuat kebaktian kepada raja kamu**. Maka kata hukuma, "Adalah raja yang adil itu dengan nabi salla'llah u'alaihi wasalam umpama dua buah permata pada sebetuk cincin lagipun raja itu umpama ganti Allah di dalam dunia, kerana ia zulli 'llahu fi 'l-'alam. Apabila berbuat kebaktian kepada raja seperti berbuat kebaktian kepada Allah subhanahu wataala. Yakni berbuat kebaktian kepada Allah dan Rasulnya supaya kebesaran dunia akhirat kamu peroleh "*

(Sejarah Melayu, 1982:141)

Daripada petikan ujaran di atas, "**Hendaklah tuluskan hatimu pada berbuat kebaktian kepada Allah**" memperlihatkan nilai "ihsan" yang perlu diamalkan oleh rakyat melalui sikap taat setia kepada raja agar beroleh kesejahteraan dunia akhirat. Namun, raja dingatkan supaya tidak menyalahgunakan kuasanya seperti yang diungkapkan dalam peribahasa, "Adat gajah terdorong" sebaliknya dinasihatkan supaya raja berlaku adil dan hal ini ditonjolkan melalui kata nasihat Bendahara kepada raja yang berbunyi,

*"...hendaklah Tuanku jangan dengar-dengaran akan sembah orang yang tiada sebenarnya. Jikalau Tuanku dengar-dengaran akan kata orang yang fitnah itu, Tuanku menyesal kelak. Adapun kehendak nafsu itu daripada was-was syaitan 'alaihi'la'nat. Banyak raja-raja yang besar-besar dibinasakan Allah kerajaannya sebab menurut hawa nafsunya"*

(Sejarah Melayu, 1982:142)

Daripada nasihat Bendahara, "...Jikalau Tuanku dengar-dengaran akan kata orang yang fitnah itu...", menjelaskan lagi bahawa insan yang bergelar 'Raja' harus bersikap bijaksana supaya dapat mengelakkan hasutan fitnah. Hal ini memperlihatkan pematuhan maksim kualiti (b) Jangan bercakap jika kurang bukti, maksim perlakuan (c) elakkan maklumat yang tidak jelas dan maksim budiman, (Leech, 1983) bagi mengelakkan

penyebaran dan hasutan fitnah yang merupakan ancaman kepada sesebuah kerajaan seperti yang terjadi kepada Kesultanan Melayu Melaka, Kerajaan Singapura dan Kerajaan Langkasuka yang kemusnahan kerajaan ini adalah disebabkan rajanya mendengar fitnah.

Penggunaan peribahasa dalam teks Sejarah Melayu (1982) turut memperlihatkan amalan nilai Insan dan Ihsan. Hal terpancar dalam ujaran “**Basuhkan arang dimukaku ini**”.

*“ Setelah Hang Tuah sudah makan, maka diambil Sultan keris dipinggang baginda, diberikan kepada pada Hang Tuah. Maka titah baginda, “**Basuhkan arang dimukaku ini**”*

(Sejarah Melayu. 1982:100)

Ujaran yang disampaikan secara tersirat ini merupakan satu permintaan daripada Sultan kepada Hang Tuah supaya membersihkan nama baginda yang tercalar akibat mendengar fitnah lalu menghukum bunuh Hang Tuah. Nilai ‘Insan’ yang taat kepada raja dipancarkan melalui sikap taat setia Hang Tuah yang menunaikan tanggungjawabnya demi memelihara kedudukan dan kedaulatan Sultan. Hang Tuah sebagai rakyat yang taat kepada rajanya, serta memahami dan mematuhi nilai Ihsan, telah tidak menghukum Sultan walaupun Sultan telah melakukan sesuatu yang kejam terhadap Hang Tuah.

Peribahasa Melayu turut mengungkapkan aspek perilaku insan dalam membentuk nilai kemanusiaan, kemasyarakatan dan kepemimpinan. Dalam Hikayat Abdullah terdapat penggunaan peribahasa yang menonjolkan nilai Insan dan Ihsan yang bertujuan membentuk perilaku berbahasa sopan dalam kalangan masyarakat Melayu. Hal ini tersimpul dalam petikan yang berikut;

*“ Apa yang aku perkatakan ini bukanlah hendak menghina orang. Apa yang baik disebut baik, yang jahat demikian juga. Kata orang Melayu, “Harimau mati meninggalkan belang, gajah mati meninggalkan tulang, dan manusia mati meninggalkan nama”*

(Hikayat Abdullah, hlm 91)

Selain itu, Abdullah juga mengesyorkan pendidikan kanak-kanak dilakukan secara lemah lembut melalui penerapan nilai seperti hormat, amanah, bersungguh-sungguh, tekun, tidak membuang masa, bertimbang rasa dan sebagainya. Saranan Abdullah ini secara tidak langsung menyarankan amalan nilai Insan dan Ihsan dalam pendidikan kanak-kanak.

Tegasnya, kemunculan peribahasa yang mula-mula digunakan apabila bangsa Melayu mulai mengenal peradaban, meletakkan sempadan antara yang baik dengan yang buruk serta menjadi panduan tata tertib pergaulan dan perhubungan antara manusia. Seajar dengan itu terdapat peribahasa Melayu yang menerapkan nilai Insan dan Ihsan dalam perilaku berbahasa bagi membentuk kerukunan hidup dalam sesebuah institusi kekeluargaan, kemasyarakatan dan kenegaraan. Peribahasa menjadi dimensi untuk membentuk tingkah laku manusia kerana setiap makna yang diwakili oleh peribahasa merupakan satu elemen kesedaran untuk bangsa Melayu menilai sesuatu yang baik dan sesuatu yang buruk sebagai satu prinsip tentang cara seseorang itu harus bertutur dan berkelakuan.



Dalam peribahasa, nilai Insan dan Ihsan dalam komunikasi diserlahkan melalui nilai keikhlasan, kejujuran, dan kesopanan antara penutur dan pendengar. Antara peribahasa Melayu yang menekankan kelebihan nilai insan dan ihsan dalam komunikasi ialah

<b>Bil</b>	<b>Peribahasa</b>	<b>Makna</b>	<b>Nilai</b>
1.	Mulut disuap pisang, buntut kita di jangkit duri	Manis tutur katanya, tetapi jahat maksudnya	Keikhlasan dan kejujuran
2.	Mulut manis mematahkan tulang	Perkataan yang lemah lembut dapat menundukkan hati yang keras	Kesopanan dan kerendahan hati
3.	Sebab bahasa menunjukkan bangsa	Budi bahasa yang halus menunjukkan bangsa yang baik	Kesopanan
4.	Sepatah kata terhutang	Perkataan yang kita ucapkan wajiblah menyempurnakannya	Bertanggungjawab
5.	Batu yang keras air pelekuknya; hati yang keras lidah pelembutnya	Orang yang keras hati dapat dipujuk dengan kata-kata yang lemah lembut	Kesopanan dan kerendahan hati
6.	Elok bahasa kan bakal hidup, elok budi kan bakal mati	i) Jika tutur katanya elok, seseorang itu akan disayangi semasa hidup. ii) Jika budinya banyak, seseorang itu akan dikenang walaupun ia telah mati	Kesopanan dan kerendahan hati
7.	Empat gasal lima genap, dikendur berdenting-denting, ditegang berjela-jela	i) Orang pendiam itu kelihatan bodoh, tetapi apabila mengeluarkan sesuatu perkataan atau melakukan pekerjaan hasilnya sangat baik ii) Tutur kata orang yang bijaksana selalu tersembunyi maksudnya	Kesopanan, budiman dan bertanggungjawab
8.	Jalan di tepi-tepi, benang arang orang jangan dipijak	Hendaklah bersopan santun apabila berada di negara asing	Kesopanan dan kerendahan hati
9.	Jalan peliharakan kaki, berkata peliharakan lidah, mendengar peliharakan telinga	Berhati-hati dalam semua perkara	Bertanggungjawab dan berhemah
10.	Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak	Apabila berada di tempat orang, hendaklah mengikut dan menghormati adat resam masyarakat itu	Kesopanan dan kerendahan hati
11.	Air jernih ikannya jinak	Negeri yang aman dan teratur, rakyatnya berbudi bahasa	Kesopanan dan kerendahan hati
12.	Usul menunjukkan bangsa, bahasa menunjukkan bangsa	Dengan memerhatikan perangai seseorang dapatlah kita menilai asal keturunannya baik atau sebaliknya	Kesopanan dan kerendahan hati

(Sumber: Peribahasa Melayu: Penelitian Nilai dan Tema, 2010)

## **IMPLIKASI**

Peribahasa memuatkan nilai insan dan ihsan untuk memberikan tunjuk ajar atau menegur dengan kata-kata yang indah supaya tidak membuatkan seseorang berkecil hati apabila mendengarnya. Nilai insan dan ihsan diungkapkan secara tersirat bagi membentuk hukum adat dan nasihat moral serta peraturan dalam mengawal tindak tanduk anggota masyarakatnya. Penciptaannya pula adalah berdasarkan fenomena sebenar kehidupan masyarakat. Hal ini turut dijelaskan oleh A.W. Hamilton (1947) yang seseorang dapat menikmati kehalusan bahasa serta mengenali hati budi masyarakat Melayu melalui peribahasa.

Peribahasa Melayu turut menyerlahkan pemikiran Melayu yang didasari oleh agama Islam yang menerapkan nilai 'insan dan ihsan' dalam pembentukan nilai sosial dalam kalangan ahli masyarakatnya. Secara tidak langsung, peribahasa Melayu bertindak sebagai saluran pengungkapan pemikiran dalam segala bidang kehidupan merangkumi bidang sosial, ekonomi dan politik.

Pemahaman nilai Insan dan Ihsan dalam kalangan pelajar membantu pelajar dan generasi muda untuk mengamalkan nilai Insan dan Ihsan dalam komunikasi seperti jangan bercakap bohong, jangan bercakap jika kurang bukti, elakkan maklumat yang tidak jelas dan elakkan maklumat yang kabur, (Prinsip Grice, 1975); jadikan pendengar selesa, (Model Kesantunan Lakoff, 1975) dan sentiasa santun dan berhemah, bersikap budiman, memperlhatikan sokongan, nilai kerendahan hati, kesepakatan dan simpati (Prinsip Kesopanan Leech, 1983).

Pemahaman nilai Insan dan Ihsan dalam kalangan pelajar ini dapat membantu dalam melahirkan insan yang berhemah dan bermaruah serta sopan yang dapat sekali gus menghindari sebarang kesan daripada tingkah laku yang negatif.

## **KESIMPULAN**

Amalan nilai insan dan ihsan dalam komunikasi dapat meningkatkan nilai hormat terhadap penutur dan pendengar (min 9.15), dapat mengelakkan perselisihan faham (min 9.09), mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan dalam kalangan masyarakat dan negara (min 9.07), serta dapat meningkatkan perasaan simpati kepada orang lain (min 9.03). Di samping itu adalah amalan nilai insan dan ihsan dalam komunikasi juga dapat meningkatkan persetujuan dan kesepakatan antara penutur dan pendengar.

Sehubungan dengan itu amalan nilai Insan dan Ihsan harus mencakup amalan individu terhadap semua jenis ihsan. Nilai Ihsan dalam komunikasi meletakkan nilai kemuliaan, keikhlasan dan kejujuran dalam mengatakan sesuatu atau berjanji. Selain itu, amalan nilai insan dan ihsan juga akan memperlhatikan nilai sokongan dan kerendahan hati ketika berkomunikasi dengan individu terutama dengan mereka yang lebih tua daripada kita dan juga dapat mengelak dan mencegah seseorang daripada mengatakan sesuatu yang dusta dan menyebarkan fitnah terhadap insan lain.

## RUJUKAN

- Abu 'Athifah Adika Mianoki. (2010) Meraih Derajat Ihsan. <https://muslim.or.id/4101-meraih-derajat-ihsan.html>
- Abdullah Hussain (1982). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Basalou, L.W. (1998). Perceptual Symbol Systems. In *Behavioural and Brain Science*. URL <http://www.cogsi.soton.ac.uk/bbs/Archive/bbs.barsalou.html>.
- Benjamin Lee Whorf. (1956). "Language, Thought and Reality: Selected Writings of Benjamin Lee Whorf". 134-159. Cambridge: The M.I.T. Press.
- Grice, H.P. (1975). "Logic and Conversation," *Syntax and Semantics*, vol.3 edited by P. Cole and J. Morgan, Academic Press. Reprinted as ch.2 of Grice 1989, 22-40.
- Lakoff, R. (1975). *Language and Woman's Place*. New York, Harper and Row.
- Hamilton A.W (1947). *Malay Proverbs*. Singapore: Eastern Universiti Press Ltd.
- Meraih Drajat Ihsan. Diakses daripada <https://muslim.or.id/4101-meraih-derajat-ihsan.html> pada 17 Mac 2017
- Maksud Ihsan diakses daripada <http://dakwahsyariah.blogspot.com/2011/10/kajian-tentang-islam-iman-dan-ihsan.html#ixzz4brLMr9jY> pada 17 Mac 2017
- Levinson, S (1983). *Pragmatics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Leech, G (1983). *Principles Of Pragmatics*. London: Longman
- Mohd Radzi Mustaffa (2002). *Bahasa Alam Satu Perspektif*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Muhammad Lutfi AlFajar. (2016). Nilai-nilai Pendidikan Tauhid dalam Kitab At-Tauhid Lish Shaffil Awwal Al-'Aliy. Tesis Sarjana Islam, Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim, Malang.
- <http://dimasday90muslim.blogspot.my/2012/10/rangkuman-pendidikan-agama-islam.html>
- Sperber (1995). *Representation and Relevance: Mental Representation*. ed. Kempson R.M, Oxford: Basil Blackwell.
- Sperber (2004). Relevance Theory in Horn, L. R. & Ward, G. (eds.) (2004) *The Handbook of Pragmatics*. Oxford: Basil Blackwell.
- Shellabear W. G. & Guru Sulaiman Muhammad Nor (1964). *Kitab Kiliran Budi*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara
- W.G. Shellabear (1982). *Sejarah Melayu*. Petaling Jaya. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Winstedt, R.O (1950). *Malay Proverb*. London: John Murray.
- Wilhelm von Humboldt (1767). From "Thought and Language" to "Thinking for Speaking". In Gumperz, John J. & Levinson, Stephen C. *Rethinking Linguistic Relativity*. Cambridge: University Press, pp. 70-96